

PELAN ANTI-RASUAH ORGANISASI (OACP)

2024 - 2028

CRAUN RESEARCH SDN. BHD.



ISI KANDUNGAN

- PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, *m/s 1*
- PERNYATAAN KOMITMEN BEBAS RASUAH WARGA CRAUN, *m/s 2*
- SINGKATAN, *m/s 3*
- BAB 1 : PENGENALAN
 - Latar Belakang dan Fungsi CRAUN, *m/s 4*
 - Visi dan Misi CRAUN, *m/s 5*
 - Keperluan Merangka OACP, *m/s 6*
 - Bengkel OACP, *m/s 7*
 - Pemurnian Buku OACP CRAUN, *m/s 8*
- BAB 2: ISU DAN CABARAN
 - Isu dan Cabaran Menangani Rasuah, *m/s 9*
- BAB 3: PELAN ANTI-RASUAH ORGANISASI (OACP) CRAUN 2024-2028
 - Visi, Misi dan Matlamat OACP CRAUN, *m/s 10*
 - Bidang Keutamaan, Strategi, Objektif Strategi, *m/s 11-13*
 - Pelan Tindakan 2024-2028, *m/s 14*
 - Analisis Kuadran, *m/s 15*
 - Ringkasan Bidang Keutamaan, Objektif Strategik dan Inisiatif, *m/s 16-20*
- BAB 4: JADUAL PEMANTAUAN DAN PENILAIAN, *m/s 21-25*
- BAB 5: TADBIR URUS OACP, *m/s 26*
 - Mekanisme Pelaksanaan, Pemantauan dan Penilaian, *m/s 27-28*
- BAB 6: RUMUSAN, *m/s 29*
 - Pasukan Pembangunan OACP, *m/s 30*
- AKTIVITI IGU CRAUN
 - Majlis Perasmian Hari Ombuds 2022, *m/s 31*
 - Ikrar Bebas Rasuah CRAUN 2022, *m/s 32*

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Syukur ke hadrat Ilahi, dengan taufik dan hidayah-Nya, CRAUN berjaya membangunkan Pelan Anti-Rasuah Organisasi (OACP) CRAUN 2024-2028. OACP ini adalah merupakan panduan dan petunjuk arah kepada warga kerja dalam mendukung aspirasi kerajaan bagi pemantapan integriti, tadbir urus dan anti-rasuah untuk tempoh 5 tahun akan datang. Justeru itu, saya mengharapkan agar semua warga kerja CRAUN dapat memberi komitmen yang tinggi dalam melaksanakan setiap inisiatif yang telah digariskan melalui OACP CRAUN 2024-2028 ini.

Dengan ini juga, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan sekalung penghargaan dan tahniah kepada semua yang terlibat dalam membangunkan pelan OACP ini. Semoga kejayaan ini dapat diteruskan lagi dengan pemantauan pelaksanaan dan penyelarasan pelan yang efektif.

Sekian, terima kasih.

Haji Zaidell bin Haji Hussaini
Ketua Pegawai Eksekutif,
CRAUN Research Sdn. Bhd.

PERNYATAAN KOMITMEN BEBAS RASUAH WARGA CRAUN

Pelan antirasuah organisasi CRAUN 2024-2028 merupakan dasar antirasuah yang mencerminkan komitmen pihak pengurusan atasan bersama semua warga CRAUN untuk menutup segala ruang dan peluang berlakunya rasuah dalam organisasi. Ianya dirangka khas menjurus kepada fungsi-fungsi utama organisasi yang mempunyai bidang berisiko dengan menekankan kepada inisiatif 'good governance', integriti dan antirasuah. Ianya bertujuan agar visi, misi dan matlamat CRAUN ke arah pengurusan yang mampan dari segi ekonomi, sosial dan kelestarian alam sekitar dapat direalisasikan dan untuk kelangsungan generasi yang akan datang.



SINGKATAN

- **BPIA** – Bahagian Pengurusan Integriti Agensi
- **CRAUN** – CRAUN Research Sdn. Bhd.
- **GLC** – Government-Linked Company / Syarikat Berkaitan Kerajaan
- **IGU** – Integrity and Governance Unit / Unit Integriti dan Governans
- **IIM** – Institut Integriti Malaysia
- **JAR** – Jawatankuasa Anti-Rasuah
- **MEITD** – Ministry of Education, Innovation and Talent Development / Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat
- **NACP** – National Anti-Corruption Plan / Pelan Antirasuah Nasional
- **OACP** – Organization Anti-Corruption Plan / Pelan Antirasuah Organisasi
- **P&P** – Penyelidikan dan Pembangunan
- **SOP** – Standard Operating Procedure / Prosedur Operasi Standard
- **UNION** – Unit Integriti Dan Ombudsman Sarawak



BAB 1: PENGENALAN

LATAR BELAKANG DAN FUNGSI CRAUN

CRAUN atau 'Crop Research and Application Unit' telah ditubuhkan pada 22 Julai 1993 oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Pada 1 April 1997, CRAUN telah diperbadankan dan dikenali sebagai CRAUN Research Sdn. Bhd. (CRAUN). CRAUN beroperasi di ibu pejabat di Lot 3147, Blok 14, Jalan Sultan Tengah, Kuching, manakala plot-plot penyelidikan tanaman rumbia beroperasi di Stesen Penyelidikan Sungai Talau, Dalat, Mukah. Pada 22 Mei 2017, *Sarawak Gazette Part II*, CRAUN diwartakan dibawah Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak (MEITD).

CRAUN berfungsi sebagai sebuah agensi Penyelidikan dan Pembangunan (P&P) khususnya bagi tanaman rumbia dan nipah disamping tanaman lain yang berpotensi untuk dikomersialkan. CRAUN juga berfungsi untuk memperkenalkan teknologi terkini yang dapat meningkatkan lagi industri tanaman melalui penyelidikan, pembangunan dan pengembangan.

VISI

Be at the Forefront on Crops & Products Research and Innovation Focusing on Sago

MISI

Advance in Sago Industry through Effective Research and Innovation

KEPERLUAN MERANGKA OACP

Pembangunan OACP adalah salah satu inisiatif di bawah Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018, Siri 1 No. 1 Tahun 2018

Berasaskan objektif strategi NACP 6.2.1, keperluan penghasilan Pelan Anti-Rasuah yang lebih menyeluruh dan berupaya memberi impak positif yang berkekalan dikembangkan kepada semua Jabatan, Agensi Kerajaan dan Badan Berkanun Negeri serta Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang dibantu oleh 2 agensi iaitu SPRM dan IIM dengan tujuan untuk menghapuskan salah guna kuasa, menghapuskan penyelewengan dan kelemahan tadbir urus.

Tambahan juga, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melalui Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) telah melaksanakan penilaian Risiko Rasuah bagi tahun 2020 dan CRAUN telah dikenalpasti oleh SPRM sebagai organisasi **berisiko sederhana**. Sehubungan dengan itu, CRAUN dinasihati untuk mempergiatkan usaha-usaha pengamalan budaya kerja unggul, pengukuhan sistem kawalan dalaman serta mewujudkan budaya kerja yang bersih dan bebas dari amalan rasuah.


Justeru itu, kerja-kerja pembangunan dan pelaksanaan OACP adalah merupakan komitmen CRAUN untuk memenuhi tuntutan rangka kerja integriti di samping memastikan sistem pentadbiran digerakkan dalam persekitaran “Toleransi Sifar Terhadap Rasuah”. OACP ini diharapkan dapat menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan anti-rasuah dalam organisasi yang telah, sedang dan berpotensi untuk berlaku pada masa hadapan. Di samping itu, OACP ini juga dapat memastikan pembangunan organisasi yang lestari dan bebas rasuah.

Sekitar bengkel OACP
pada 10-12 Mei 2023 di
RAIA Hotel, Kuching





Sesi Pemurnian Buku OACP CRAUN bersama wakil UNION & Pegawai Integriti MEITD pada 14 Ogos 2023



BAB 2: ISU DAN CABARAN

ISU

Adalah penting untuk kita sedar akan keadaan semasa dan kesannya apabila intervensi penggubalan dasar dilakukan terhadap masa hadapan dan fungsi organisasi itu sendiri. Perubahan konteks gerak kerja dan kemampuan dari segi sumber manusia, kewangan, logistik dan sebagainya menjadi pemacu utama kepada CRAUN untuk menilai pendekatan dalam membina dan melaksanakan sesuatu dasar bersama-sama pemegang taruh.

CABARAN

Dalam pelaksanaan pengukuhan integriti sesebuah organisasi, perkara asas yang perlu dilaksanakan adalah dengan mengenal pasti serta memperbaiki kelemahan sistem tadbir urus sedia ada yang mungkin mempunyai ruang sehingga wujudnya peluang rasuah dan ketirisan. Kelemahan ini perlu dikenalpasti di dalam semua cabang tadbir urus melibatkan prosedur dan peraturan. Kajian berterusan perlu dilaksanakan bagi menambah baik dan mengukuhkan sistem tadbir urus tersebut mengikut situasi semasa.

Sebagai sebuah organisasi Penyelidikan dan Pembangunan (P&P), Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) di bawah Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat (MEITD), CRAUN juga terdedah kepada risiko ketirisan dalam pelaksanaan tadbir urus. Dengan itu, OACP ini diolah untuk mengelak salah laku dan ketirisan dalam organisasi. Segala strategi yang dirancang ini akan selari dengan aspirasi nasional iaitu agar Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah.

BAB 3: PELAN ANTI-RASUAH ORGANISASI (OACP) CRAUN 2024-2028

VISI, MISI DAN MATLAMAT OACP

- Visi : Ke arah warga CRAUN yang berintegriti dan bebas rasuah
- Misi : Meningkatkan kecekapan dan akauntabiliti warga kerja menerusi ketelusan tadbir urus
- Matlamat :
1. Kecekapan dan responsif dalam penyampaian perkhidmatan
 2. Pembudayaan kerja berprestasi tinggi dan berintegriti



Memperkasakan kecekapan dan keberkesanan pengurusan projek

Memperkasakan
kebertanggungjawaban dan integriti
pegawai

STRATEGI

Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan

Memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan dan tadbir urus baik



PELAN TINDAKAN 2024 - 2028

7




3



2



2024




2028

ANALISIS KUADRAN

Analisis kuadran adalah analisa tahap impak dan tahap kompleksiti pelaksanaan sesuatu inisiatif. CRAUN mengenalpasti **12 inisiatif** yang perlu diberi keutamaan bagi menangani amalan rasuah dan salah laku integriti dalam organisasi ini.

9 inisiatif yang dikenalpasti berada dalam kelompok kuadran A di mana ia memberi impak yang besar dengan sedikit usaha dalam pelaksanaan inisiatif, manakala **3 inisiatif** berada dalam kelompok kuadran B – impak tinggi dan kompleksiti tinggi di mana memerlukan usaha gigih untuk dicapai.



1 : PENGURUSAN PROJEK

Strategi 1	Memperkasakan kecekapan dan keberkesanan pengurusan projek
Objektif Strategi 1	Memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan projek

No.	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa	Kuadran
1.1.1.1	Memantapkan program pemantauan projek	Unit Sumber Manusia	Jangka panjang	B
1.1.1.2	Pemantapan nilai integriti pegawai penyelidik	Unit Sumber Manusia	Jangka pendek	A
1.1.1.3	Penguatkuasaan 'Non-Disclosure Agreement'	Unit Sumber Manusia	Jangka pendek	A

2 : SUMBER MANUSIA

Strategi 1	Memperkasakan kebertanggungjawaban dan integriti pegawai
Objektif Strategi 1	Meningkatkan kecekapan dan kemahiran pegawai dalam organisasi

No.	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa	Kuadran
2.1.1.1	Meningkatkan sistem pemantauan kehadiran pegawai oleh pegawai sumber manusia	Unit Sumber Manusia	Jangka pendek	A
2.1.1.2	Memperketatkan SOP keluar masuk pejabat dan pemantauan oleh pegawai sumber manusia	Unit Sumber Manusia	Jangka panjang	A
2.1.1.3	Mengenalpasti latihan kompetensi dan kemahiran insaniah kepada pegawai berdasarkan kepada "training need analysis"	Unit Sumber Manusia	Jangka sederhana	B
2.1.1.4	Menambahbaik sistem aduan yang sedia ada dengan membangunkan e-aduan	Unit Sumber Manusia	Jangka pendek	B

3 : PENTADBIRAN

Strategi 1	<i>Memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan dan tadbir urus baik</i>
Objektif Strategi 1	<i>Memastikan pengamalan ketelusan dalam tadbir urus</i>

No.	INISIATIF	Peneraju	TEMPOH MASA	KUADRAN
3.1.1.1	<i>Menambahbaik kawalan dalaman dan pematuhan kepada peraturan permohonan pinjaman kepada pegawai</i>	Unit Pentadbiran	Jangka pendek	A

3 : PENTADBIRAN

Strategi 1	<i>Memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan dan tadbir urus baik</i>
Objektif Strategi 2	<i>Meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan</i>

No.	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH MASA	KUADRAN
3.1.2.1	<i>Memastikan aset diselenggara secara efektif dan berkala</i>	Unit Pentadbiran	Jangka sederhana	A
3.1.2.2	<i>Pemantapan nilai integriti pegawai dengan meningkatkan kesedaran pegawai akan kesan penyalahgunaan aset organisasi serta meningkatkan pemantauan penggunaan aset</i>	Unit Pentadbiran	Jangka pendek	A

4 : PEROLEHAN

Strategi 1	<i>Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan</i>
Objektif Strategi 1	<i>Meningkatkan ketelusan perolehan dan pengurangan risiko rasuah</i>

No.	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH MASA	KUADRAN
4.1.1.1	<i>Menambahbaik SOP kewangan dan meningkatkan kompetensi pegawai kewangan (aktiviti : kepada dalaman & luaran)</i>	Unit Kewangan	Jangka sederhana	A
4.1.1.2	<i>Pemantapan nilai integriti pegawai penender dengan menambahbaik tatacara tender dan sebut harga</i>	Unit Kewangan	Jangka pendek	A

BAB 4: Jadual Pemantauan Dan Penilaian

Jadual Pemantauan dan Penilaian ini adalah mekanisma untuk mengukur pelaksanaan inisiatif sepanjang tempoh pelaksanaan OACP (2024-2028). Ianya diikuti dengan aktiviti / program pelaksanaan mengikut tempoh jangka masa yang telah ditetapkan.

Jadual Pemantauan & Penilaian – Pengurusan Projek

No.	Inisiatif	2024				2025				2026				2027				2028			
		Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3	Q4
1.1.1.1	Memantapkan program pemantauan projek oleh pihak pengurusan				√				√				√				√				√
1.1.1.2	Pemantapan nilai integriti pegawai penyelidik dengan mengadakan sesi taklimat integriti	√				√															
1.1.1.3	Penguatkuasaan 'Non-disclosure agreement' kepada semua pegawai	√				√				√				√				√			

Jadual Pemantauan & Penilaian – Sumber Manusia

No.	Inisiatif	2024				2025				2026				2027				2028			
		Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3	Q4
2.1.1.1	Menguatkuasakan penggunaan sistem pemantauan kehadiran pegawai oleh pegawai sumber manusia	√				√				√				√				√			
2.1.1.2	Memperketat dan menambahbaik SOP keluar masuk pejabat dan pemantauan oleh pegawai sumber manusia		√			√					√				√				√		
2.1.1.3	Mengenalpasti latihan kompetensi dan 'soft skills' kepada pegawai berdasarkan kepada "training need analysis"					√				√				√				√			
2.1.1.4	Menambahbaik sistem aduan yang sedia ada dengan membangunkan sistem e-aduan				√				√												

Jadual Pemantauan & Penilaian - Pentadbiran

No.	Inisiatif	2024				2025				2026				2027				2028			
		Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3	Q4
3.1.1.1	Menambahbaik kawalan dalaman dan pematuhan kepada peraturan permohonan pinjaman kepada pegawai	√				√															
3.1.2.1	Memastikan aset diselenggara secara efektif dan berkala oleh pegawai aset	√				√				√											
3.1.2.2	Pemantapan nilai integriti pegawai dengan meningkatkan kesedaran pegawai akan kesan penyalahgunaan aset organisasi serta meningkatkan pemantauan penggunaan aset	√				√															

Jadual Pemantauan & Penilaian - Perolehan

No.	Inisiatif	2024				2025				2026				2027				2028				
		Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3	Q4	
4.1.1.1	Menambahbaik SOP kewangan dan meningkatkan kompetensi pegawai kewangan	√		√																		
4.1.1.2	Menambahbaik SOP kewangan dan meningkatkan kompetensi pegawai kewangan	√		√																		
4.1.1.3	Pemantapan nilai integriti pegawai penender dengan menambahbaik tatacara tender dan sebut harga	√																				

BAB 5: TADBIR URUS OACP

Setiap inisiatif yang telah dirancang perlu dilaksanakan oleh Agensi Pelaksana dalam tempoh masa yang ditetapkan. IGU akan memastikan setiap unit atau agensi pelaksana yang berkaitan untuk melaksanakan inisiatif yang telah ditetapkan mengikut perancangan pelaksanaan.

Bagi menyelaraskan dan meneliti pelaksanaan OACP CRAUN, Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) yang diurusetikan oleh Unit Integriti MEITD bagi menilai dan mengenalpasti keberkesanan tindakan/kelemahan inisiatif, perkembangan semasa dan mengesyorkan penambahbaikan terhadap inisiatif OACP.

Semua laporan berkaitan pencapaian OACP CRAUN akan dikemukakan kepada IGU dan seterusnya dilaporkan di dalam Mesyuarat JAR.

Mekanisme Pelaksanaan, Pemantauan dan Penilaian

Pelaksanaan OACP CRAUN perlu dilaksanakan secara menyeluruh dengan melibatkan kerjasama antara Pihak Pengurusan dan warga kerja CRAUN.

IGU

- Memantau prestasi pelaksanaan inisiatif
- Mendapatkan laporan ringkas dan laporan penuh pencapaian OACP CRAUN
- Membuat penilaian kuantitatif dan kualitatif
- Meneliti matlamat OACP dengan menilai objektif strategik dan inisiatif
- Memperakukan laporan prestasi OACP CRAUN untuk dikemukakan kepada JAR



Pihak Pengurusan CRAUN

- Menerima laporan OACP CRAUN
- Mendapatkan perincian dan penjelasan berkenaan pelaksanaan inisiatif OACP
- Memperakukan isu dan laporan untuk dikemukakan kepada JAR MEITD



JAR MEITD

- Menerima laporan prestasi OACP CRAUN

Bagi mendapatkan kaedah pemantauan dan pelaksanaan OACP, semua unit atau agensi pelaksana dikehendaki:

Pemantauan dan Pelaksanaan Inisiatif

- Melaksanakan program-program berkaitan berdasarkan objektif yang telah ditetapkan dan membuat pemantauan ke atas pelaksanaan program-program tersebut.
- Merangka aktiviti-aktiviti bagi setiap inisiatif yang diterajui

Penilaian Keberkesanan Inisiatif

- Mengenalpasti kekuatan dan kelemahan setiap aktiviti
- Menilai samada aktiviti menyokong inisiatif
- Memastikan bahawa aktiviti dilaksanakan sebagaimana dirancang
- Memberi maklum balas yang bersesuaian berdasarkan situasi apabila diperlukan

BAB 6: RUMUSAN

Pembangunan Pelan Anti-Rasuah Organisasi (OACP) ini adalah bagi memperlihatkan komitmen CRAUN dalam menyokong dasar anti-rasuah kerajaan. Intipati pelan ini mengandungi tindakan yang perlu diambil sebagai menyahut dasar kerajaan untuk memastikan Malaysia menjadi sebuah negara bebas rasuah. Ini dapat dilihat menerusi 4 bidang keutamaan yang merangkumi 12 inisiatif yang telah dibangunkan untuk dilaksanakan sebagai panduan pengurusan anti-rasuah di CRAUN.

Bagi memastikan keberkesanan OACP ini, pelaksanaan semua inisiatif yang telah dicadangkan akan dipantau dan dikaji semula secara berkala. CRAUN akan sentiasa peka dengan perubahan semasa dengan mengambil kira maklum balas, nasihat dan panduan daripada pelbagai pihak supaya inisiatif yang dirangka akan sentiasa relevan dan terus menjadi panduan serta rujukan semua pihak dalam menangani salah laku dan jenayah rasuah.

Kejayaan pelaksanaan semua 12 inisiatif dalam tempoh 5 tahun akan datang bakal menentukan hala tuju baru CRAUN dalam aspek penambahbaikan governan, integriti dan anti-rasuah untuk kelangsungan dan kelestarian CRAUN pada masa hadapan.

Pasukan Pembangunan OACP CRAUN



Rumaizah binti Pathi

Nurul Nafila binti Ahmad

Sharifah Nadzirah binti Wan Zaidi

Azreena binti Jamahari

Effa Maria binti Noorzali

Abdul Zulfafiz bin Jamil

*Jawatankuasa
Pembangunan OACP /
Pegawai Unit Integriti
dan Governans (IGU)
CRAUN*

Majlis Perasmian Hari Ombuds
2022 pada 13/10/2022, di Borneo
Convention Center Kuching (BCCK)





Ikrar Bebas Rasuah CRAUN Research Sdn Bhd pada 14/12/2022 di CIDB Convention Centre

Catatan:

